



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
SENIWATI SITI MARIAM ISMAIL @MARIANI  
MENGENAI KARIER BELIAU SEBAGAI SENIMAN AWAL DALAM BIDANG  
PERFILEMAN**

**OLEH:**

**HETTY NUR ELYSNA BINTI MAZLAN**

**2012801714**

**SYAZA IZZATI BINTI MOHAMAD YUSOF**

**2012691668**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
SENIWATI SITI MARIAM ISMAIL @MARIANI  
MENGENAI KARIER BELIAU SEBAGAI SENIMAN AWAL DALAM BIDANG  
PERFILEMAN

OLEH:

HETTY NUR ELYSNA BINTI MAZLAN

2012801714

SYAZA IZZATI BINTI MOHAMAD YUSOF

2012691668

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

## ISI KANDUNGAN

<b>TITLE</b>	<b>PAGE NO</b>
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B:Karier Sebagai Seorang Pelakon.....	2
Bahagian C: Aktiviti dan Pencapaian.....	3
Lampiran	
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Senarai soalan	
Log Temuramah	
Gambar	
Index	

# **PENGHARGAAN**

## **Penghargaan**

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Puan Nor Kamariah binti Chik yang telah memberikan segala ilmu kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Seniwati Mariani, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih

# **ABSTRAK**

## **Abstrak**

**Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama Puan Hajah Siti Mariam @ Mariani Binti Ismail mengenai kerjaya beliau dalam bidang seni perfileman Melayu. Transkrip temubual ini dijalankan di Saloma Bistro, Jalan Ampang Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2013 bermula jam 2.00 petang. Beliau merupakan salah seorang seniwati Negara yang dikenali bukan hanya di Malaysia, malah Singapura dan Indonesia. Beliau telah meceburkan diri dalam bidang perfileman seawal usia 17 tahun hinggalah ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang perfileman. Temubual ini tertumpu kepada pengalaman beliau sepanjang bergelar anak seni serta mewarnai dunia perfileman dengan setiap filem yang beliau lakukan. Di samping itu, beliau turut member pendapat khusus mengenai perbezaan pembikinan filem zaman dahulu dan sekarang terutama di Malaysia.

**Kata kunci:** *Mariani Ismail, FINAS, filem lama, Jalan Ampas, seniwati, artis veteran.*

# **BIODATA TOKOH**



## Biodata Tokoh



### Bibliografi

Nama	:	Mariam @ Mariani Binti Ismail
Asal	:	Tanjung Pagar, Singapura
Tarikh Lahir	:	20 April 1933
Bangsa	:	Melayu
Kerjaya	:	Pelakon, penyanyi
Status	:	Berkahwin
Bahasa	:	Melayu, English
Keluarga	:	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Suami pertamanya iaitu Darus<ul style="list-style-type: none"><li>- Noraini dan Normala</li></ul></li><li>➤ Suami kedua iaitu Allahyarham H. M. Rohaizad,<ul style="list-style-type: none"><li>- Sharifah Haslinda, Sharifah Rozita, Syed Herwaini, kembar Syed Marhain &amp; Syed Nazran dan Syed Hasnidan.</li></ul></li><li>➤ Suami ketiga iaitu Alias</li></ul>

	- Iskandar Mierza, Shahrniza, Ariff Efandi, Kamarul Ariffin dan Melissa Sails.
--	--

Penglibatan Mariani di dalam dunia perfileman ini bermula selepas Mariani menyertai pertandingan Ratu Cantik. Kemenangan di tempat pertama dalam pertandingan tersebut membuatkan Mariani terus diburu oleh produser filem. Di samping itu, Mariani sentiasa mendapat sokongan dan dorongan daripada adiknya Saloma yang mengetahui bakatnya dalam bidang lakonan. Saloma pernah berkata “Yam (panggilan manja Mariani) kau ni cantik dan putih, tentu sesuai menjadi anak wayang dan biarlah aku menjadi penyanyi”. Dialog itu tetap menjadi kenangan kepada Mariani bersama Saloma ketika mula terlibat dengan dunia lakonan.

Penghujung tahun 1952 Mariani mendapat peluang berlakon bersama SHAW Brothers melalui filem Chemburu ketika umurnya 17 tahun. Mariani telah diberi watak antagonis (watak hitam) dan Mariani berjaya menjiwai watak itu sehinggakan filem tersebut menjadi kontroversi dengan adegan panas yang dilakonkan. Mariani mendapat cemuhan daripada peminat yang marah dengan aksi lakonannya. Akibat dari kontroversi itu Mariani ingin tarik diri dari dunia lakonan namun dia telah mengikat kontrak dengan SHAW Brothers. Selepas filem Chemburu, Mariani terus mendapat tawaran berlakon terutamanya untuk watak jahat.

Kenangan ketika di set penggambaran mengingatkan Mariani ketika dia terpaksa bekerja sehingga tiga syif. Namun begitu ketika itu set penggambaran dibuat di studio dan memudahkannya untuk berlakon. Bintang Filem (panggilan kepada pelakon ketika di Jalan Ampas) dahulu penuh dengan disiplin dan sentiasa mengikut arahan pengarah. Jika penggambaran pelakon perlu berdiri dengan begitu lama untuk sesuatu watak, sehinggalah pengarah berasa puas hati barulah bintang filem dibenarkan untuk berehat. Bintang filem

dahulu dikawal dengan ketat di mana mereka telah diberi tempat tinggal dengan segala kemudahan disediakan oleh produser filem. Bintang-bintang filem dulu juga tidak dibenarkan keluar sesuka hati kerana takut diserbu peminat.

Kenangan ketika berlakon filem arahan P. Ramlee menjadi kenangan yang manis kepada Mariani apabila dia terpaksa berlakon selama enam hari untuk satu watak menangis dalam filem *Putus Sudah Kasih Sayang*. Ini telah menimbulkan kehairanan kepada krew filem ketika itu apabila P. Ramlee tidak marah seperti selalu. Apabila ditanya P. Ramlee menjawab “kakak ipar daa..”. Menurutnya ketokohan P. Ramlee dalam dunia filem tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pengarah filem dan P. Ramlee mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

# **PENGENALAN**

## Pengenalan

Transkrip temubual bersama Siti Mariani Ismail @Mariani ini telah dijalankan pada 17 Oktober 2013 di Saloma Bistro Kuala Lumpur. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai pengalaman seniwati sepanjang bergelar seniman dan terlibat dalam bidang perfileman selama enam puluh lebih tahun.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lima belas minit, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada kerjaya beliau dalam bidang perfileman sebagai seorang pelakon. walaupun usia beliau mencecah 80 tahun, beliau masih aktif dalam kerjaya seni beliau sehingga ke hari ini dan masih mengikuti perkembangan zaman. Bermulanya karier sebagai pelakon adalah kerana penglibatannya sebagai ratu cantik pada usia 17 tahun. Kemenangan di tempat pertama dalam pertandingan tersebut membuatkan Mariani terus diburu oleh produser filem. Oleh kerana itu, banyak produksi yang mencarinya untuk digandingkan bukan sahaja dalam filem melayu tetapi juga filem cina, tagalong dan sbagainya. Di samping itu, Mariani sentiasa mendapat sokongan dan dorongan daripada adiknya Saloma yang mengetahui bakatnya dalam bidang lakonan.

Terdapat beberapa pihak yang terlibat semasa beliau menceburi bidang perfileman seperti FINAS dan juga agensi lain yang menaikan nama beliau dalam bidang ini. Sedikit pengulasan diberikan ketika temubual dijalankan.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) mula beroperasi pada 1 November 1981 di bawah kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia. FINAS kemudiannya beroperasi di Jalan Ampang Hilir Kuala Lumpur. FINAS diletakkan di bawah kementerian kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia.

Selain itu, berkenaan Jalan Ampas, Singapura yang diceritakan oleh beliau, Jalan Ampas adalah lokasi untuk studio perfileman iaitu merupakan sebuah syarikat yang bernama Malay Film Production Ltd atau ia juga dikenali sebagai MFP. Secara ringkasnya, Runme Shaw dan Run Run Shaw telah membuat Studio filem mereka sendiri pada tahun 1937 dan telah menghasilkan sebanyak empat filem berbahasa melayu seperti Ibu Tiri, Mutiara, Bermadu, Tiga Kekasih, Hanchor Hati, Terang Bulan di Malaya dan Mata Hantu. Syarikat ini telah menghasilkan sebanyak 159 buah filem daripada penubuhannya sehinggalah tahun 1967.

# TRANSKRIP

## Transkrip

### Petunjuk:

**HNE: Hetty Nur Elysna**

**SMI : Siti Mariam Ismail**

**SI : Syaza Izzati**

### BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH

HNE : Assalamualaikum, Puan Mariani.

SMI : Waalaikumussalam.

HNE : Saya Elysna Mazlan dan juga kawan saya Syaza Yusof, kami daripada Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan pada hari ini kami diberi tugas iaitu subjek sejarah lisan sangat berbesar hati dapat mewawancara puan sebagai tokoh yang banyak memberi jasa dalam perfileman melayu zaman sekarang dan sebelum kami memulakan wawancara ini kami ingin memulakan dengan latar belakang puan, nama sebenar puan, nama samaran.

SMI : Nama sebenar, Mariam

HNE : Mariam

SMI : Siti Mariam Binti Ismail tapi telah ditukarkan oleh Tan Sri P.Ramlee bila saya jadi pelakon filem ditukarkan kepada Mariani dan kekal sampai [sehingga] sekarang \_\_

HNE : **Dalam IC [identity card] pun [juga]?**

SMI : Dalam IC [identity card] Mariam @ Mariani Binti Ismail saya memulakan karier saya, saya sebenarnya *tak* [tidak] berminat *nak* [hendak] jadi pelakon saya



berminat nak jadi seorang doctor saya masa kecil-kecil bersama Saloma saya banyak bermain-main dengan alat-alat kedokteran tapi nasib saya tidak baik, tahun *empat puluh dua* [1942] Jepun jajah Singapura saya tidak dapat *nak* [hendak] sekolah Inggeris, Jepun *tak* [tidak] *kasi* [bagi], saya dah *register* [daftar] Raffle Girls School tapi Jepun *bilang tak boleh* [beritahu tidak boleh] *kena* [harus] belajar Jepun, jadi *tak* [tidak] ada-lah ilmu kedokteran Jepun, *masa tu kan* [pada masa itu], jadi *tak* [tidak] kisahlah, saya *pun* [juga], *tak da* [tidak ada] teringatlah langsung nak jadi seorang seniwati. Tiba-tiba pada tahun *lima puluh satu* [1951] saya menang ratu cantik, saya jadi *Miss Singapore* [Ratu Singapura] tahun *lima puluh satu* [1951] umur saya *tujuh belas* [17] tahun jadi bila gambar saya sudah terpampang disurat khabar, saya menang ratu cantik, *of course* [sudah tentu] SHAW Brothers tengah mencari-cari pelakon baru-baru lagi yang akan datang untuk filem-filem dia yang apa--- saya dikejar oleh ---

HNE : SHAW Brothers.

SMI : *Ha* [ya] SHAW Brothers *punya* [milik]---

HNE : Produksi

SMI : *Ha* [ya]\_ Produksi\_ saya lari, saya malu, saya *tak* [tidak] mahu kan saya *bilang* [beritahu] saya *tak* [tidak] minat saya sampai tahun *lima puluh tiga* [1953] saya larikan diri, saya *tak* [tidak] jumpa, tapi menjadi sebab kerana apa saya tiba-tiba saya menceburi jadi berlakon filem\_\_\_ (gangguan telefon)\_ jadi tahun *lima puluh satu tu* [1951 itu], masa saya sibuk-sibuk jadi ratu cantik *of course-lah* [sudah tentu] *first* [pertama] *Miss Singapore* [Ratu Singapura], dulu *tak da* [tidak ada] ratu cantik, yang *first tu* [pertama itu]

**TAMAT BAHAGIAN A**

## BAHAGIAN B : KARIER SEBAGAI SEORANG PELAKON

HNE : **Mula dibuat?**

SMI : Mula dibuat Singapura jadi sibuklahkan jadi kebetulan bapa saudara saya seorang guru besar di sekolah Pontian Besar, di Johor dia tiap-tiap bulan selalu mesti jemput saya datang ke rumah dia jadi saya pada malam tu saya pergi *kat* [di] situ rupa-rupanya dia beri jamuan makan kepada P.Ramlee, sebab P.Ramlee buat *show* [persembahan] *kat* [dekat] situ jadi tiap-tiap artis yang datang berkunjung di Pontian *tu* [itu], siapa sahaja bapa saudara saya raikan pada malam tu sibuk bapa saudara saya dah meninggallah bapa saudara saya *bilang* [beritahu] -“*Yam [Mariam] (panggilan manja Mariani) kau pergi kat [dekat] depan bagi air, kasi [beri] mereka minum, orang-orang filem*” saya angkat air P.ramlee nampak *me* [saya] , *macam* [seperti] dia suka sayalah, dia upah budak kecil dengan satu surat kecil *je* [saja] “*Siapa nama awak, boleh tak [tidak] jumpa?*” Saya jawab, belakang surat tu, “*Nama saya Mariam boleh jumpa, esok pagi kat pokok jambu*” Depan rumah *tu* [itu] rumah pakcik, P.Ramlee-kan duduk *kat* [dekat] Hotel Pontian *tu je* [itu saja] kan, saya tahu dia siapa, dia *tak* [tidak] tahu saya siapa, *pastu* [lepas itu] kami bercinta selama dua [2] tahun, *dating-dating* [temu janji] dia bawa saya ke Jalan Ampas.

HNE : **Berlakon?**

SMI : *Tak* [tidak], dia *tak* [tidak] bagi saya berlakon, *no* [tidak], *no* [tidak] *acting* [berlakon], kebetulan saya pun *tak* [tidak] minat, *you* [kamu] boleh menyanyi, tapi *you* [kamu] *tak* [tidak] boleh berlakon, *I* [saya] *tak* [tidak] *nak* [hendak] berkahwin dengan pelakon lagi saya baru bercerai dengan pelakon, dia baru

bercerai dengan mak si Nasir.

HNE : **Nasir?**

SMI : Nasir P.Ramlee, Saya pun *ok je* [boleh saja] jalan, *dating* [temu janji], *pastu* [lepas itu] dia belikan saya mesin jahit, dia suruh saya belajar *embroider* [menyulam], saya boleh jahit sulam, *embroider* [menyulam] saya boleh jahit, dia hantar saya ke Tenaga Wanita belajar sampai saya dapat diploma, setahun saya belajar *embroider* [menyulam], *pastu* [lepas itu] dengan syarat cuma *tak* [tidak] boleh berlakon.

HNE : **Menyanyi?**

SMI : Menyanyi boleh, ikut dia, dia ajar nyanyi, *pastu* [lepas itu] *show* [persembahan] *stage show* [persembahan pentas] ikut mana dia pergi; ikut pergi Jalan Ampas pusing tunggu, *yelah* [ya] dah jadi *boyfriend* [teman lelaki] *girlfriend* [teman wanita] tiba-tiba saya dapat tahu yang adik saya Saloma *ni* [ini] cintakan P.Ramlee saya diberitahu oleh kawan baik Saloma, kawan baik Saloma *ni* [ini] seorang penjual air batu cincau Cina, namanya Tha Haw “*Apalah you* [kamu] *Mariam, lu* [kamu] *hari-hari keluar sama Benjo*” dia panggil P.Ramlee *ni* [ini] Benjo dalam cerita *Aloha tu* [itu], *you* [kamu] *tak* [tidak] tengokkan cerita tu, *you* [kamu] *tak* [tidak] tahu sejarahnya, *so* [jadi] “*Lu* [kamu] *punya adik banyak cinta sama dia, lu* [kamu] *\_\_ sama dia bikin* [buat] *apa lah*”, saya dapat tahu, *so* [jadi] pun nak cuba jauhkan diri dari P.Ramlee saya sayang sama adik saya, saya nak adik saya kawin dengan P.Ramlee, *so* [jadi] apa saya buat, saya teringat yang dia *tak* [tidak] *kasi* [bagi] saya berlakon, kebetulan masa itu, SHAW brother *tak* [tidak] berhenti kejar saya, saya terus masuk situ, *sign* [tanda tangan] kontrak lima[5] tahun *tak* [tidak] beritahu dia pun, saya sudah menjadi artis, kerana adik

saya, saya *tak* [tidak] hendak, biar adik saya dengan dia, habiskan kontrak saya boleh--saya panggil P.Ramlee; Remy, dia panggil saya Merry, "*Remy saya dah [sudah] sign [tandatangan] kontrak*" [kata Mariam pada P.Ramlee] "*Apa mahu jadi bintang filem ya?, ouh baik tak [tidak] apa, saya tukar nama, nama tak [tidak] bagus, tak [tidak] komercial sebab ada dua[2] Mariam di Jalan Ampas*" [balas P.Ramlee] dia tukarkan nama saya Mariani jadi kekal dalam hati dia *tak* [tidak] marah rupanya aku *ni* [ini] aku *nak* [hendak] *kasi* [bagi] dia marah, *tak* [tidak] marah pula mana *tak* [tidak] marah dia pergi masuk *office* [pejabat] dia *bilang* [beritahu] *sama manager* [pada pengurus] itu Mariam, Mariani saya baru tukar nama, dia baru jadi pelakon filem saya tidak mahu dia masuk saya punya *set* [lokasi] saya *tak* [tidak] mahu berlakon sama dia tujuh (7) tahun lah *I* [saya] *tak* [tidak] bercakap dengan dia , kiranya *I sacrifice* [saya berkorban] lah , *I tak* [saya tidak] bercakap dengan P.Ramlee, orang lain semua berlakon dengan P.Ramlee, Mariani seorang *tak* [tidak] berlakon , tapi Mariani diberi nama oleh P.Ramlee, nama tu *glamour* [itu terkenal], saya berlakon jadi pak jahat, *tak* [tidak] dapatlah jadi *heroin* [watak utama wanita], sebab *tak* [tidak] boleh dengan P.Ramlee--kan itulah ceritanya sampailah sekarang, sampai adik saya dapat berkhawin ,kami uruskan, kami pujuk P.Ramlee ,tapi P.Ramlee *tak* [tidak] tahu yang saloma cintakan dia, P.Ramlee cintakan *I* [saya], jadinya itu-lah ceritanya *I* [saya] *set my carrier* [tetapkan kerjaya] sampailah sekarang. *I* [saya] *tak* [tidak] berhenti, sebab di Jalan Ampas *I* [saya] *tak* [tidak] dibenarkan menyanyi, menyanyi boleh dalam Jalan Ampas tapi *tak* [tidak] boleh diluar, itu sebab saya *tak* [tidak] dapat kontrak --- menyanyi.

(gangguan pelayan restoran menghantar makanan)

HNE : **Dimanakah tempat kelahiran puan?**

SMI : Tanjung Pagar, sembilan belas tiga puluh tiga, dua puluh hari bulan empat[1993, 20hb April]

HNE : **Lepas Singapura, so [jadi] dekat Malaysia ini, mana yang dijadikan kampung puan?**

SMI : Tidak saya, sebenarnya saya di Singapura *all the time* [sepanjang masa], tapi bila P.Ramlee, saya berkahwin dengan H.M Rohaizat, *assistant director* [pembantu pengarah], H.M Rohaizat meninggal, P.Ramlee ambil saya , baru dia nak ambil saya berlakon dengan dia dalam Labu Labi, Labu Labi meletup , *box office* [pecah panggung], *so* [jadi] dia *tak* [tidak] lepaskan saya lagi, dah jadi kakak ipar-lah, dia *amik* [ambil] saya berlakon, berlakon, sampai dia bawa saya ke sini (Malaysia), tarik saya kesini, *tak* [tidak] *kasi* [bagi] (gangguan bunyi penggera) saya berlakon *kat* [dekat] Singapura bila suami saya meninggal, *my husband* [suami saya] meninggal yang sama-sama bekerja di Jalan Ampas meninggal *heart attack* [serangan jantung] jadi dia saya berkhawin dengan HM Rohaizat bukan dasar cinta-lah dasar saja menggelapkan semua supaya Saloma lekas-lekas kawin dengan P.Ramlee itu tujuan saya

HNE : **Jadi di Singapura, siapa yang masih tinggal di Singapura?**

SMI : *My mother* [ibu saya] ada *my father* [ayah saya] ada *my grandmother* [nenek saya], tapi sekarang dah *tak* [tidak] ada

HNE : **Sekarang masih ada saudara mara di Singapura?**

SMI : Ada, *cousin-cousin* [sepupu-sepupu] anak-anak saudara, adik-beradik, lain bapa,

sama mak (gangguan pelayan restoran)

HNE : **Tentang perkahwinan puan?**

SMI : Perkahwinan saya, *first married* I [perkahwinan pertama saya] dikhawin paksa oleh *my grandmother* [nenek], I [saya] khatam Al-Quran, *so* [jadi] *my grandmother bilang* [nenek beritahu] aku *nak* [hendak] tengok Mariam naik pelamin, jadi *I tak* [saya tidak] kenal *my husband* [suami saya], I [saya] kahwin, lepas kahwin, I [saya] kata, I [saya] *tak* [tidak] suka, bercerai, dua (2) tahun, tapi ada anak dua (2) then *second married I'm married to Rohaizat* [kemudian perkahwinan kedua saya berkahwin dengan Rohaizat] meninggal *third married to* [perkahwinan ketiga kepada] bapa Mellisa Saila, *arrange by* [diatur oleh] P.Ramlee sebab P.Ramlee pening tengok I [saya], keluar selalu jalan, I [selalu] selalu keluar, *I playgirl* [saya kaki lelaki], dia *tak* [tidak] tahan tengok, dia *tak* [tidak] faham, dia gaduh dengan Saloma, hari-hari, sampai dia *bilang* [beritahu], apa *you* [kamu] punya kakak ini, *tak* [tidak] boleh diam, *I playgirl-lah* [saya kaki lelaki], nak bagi dia benci I [saya], tapi hati I [saya] sakit, I [saya] cinta dia, tapi I [saya] sayang adik I [saya] lebih, itu ceritanya, itu yang sampai sekarang I [saya] berlakon kat sini. Pendek sahaja cerita saya, tapi *interesting* [menarik] cerita saya *tak* [tidak] panjang \_\_ *tak* [tidak] ada orang buat, sampai kawan-kawan saya *bilang* [beritahu] kalau aku, *boyfriend* [teman lelaki] aku *tak* [tidak] akan kasi-lah [bagilah], kawan-kawan I [saya] kawan sekolah, I [saya] sekolah Kampung Gelam, I [saya] setakat darjah enam [6], *yelah* [ya] Jepun dah masuk, dia *tak* [tidak] *kasi* [beri], kena duduk rumah, Jepun serang, macam-macamah [pelbagai lagi].

HNE : **Selepas dijajahan oleh Jepun, adakah mommy [SMI] ada meneruskan mana-mana pengajian ke sambung belajar?**

SMI : *Tak* [tidak] ada, mengaji Al-Quran sendiri sahaja, sampai khatam, tu yang nenek nak [hendak] terus kasi [bagi] kahwin umur tiga belas [13 tahun], ratu cantik itu sudah janda, jumpa P.Ramlee sudah janda, tapi orang ingat, *tak* [tidak] ada\_ \_ dulu *tak* [tidak] ada publisiti, *tak* [tidak] ada keluar-keluar surat khabar,

HNE : **Waktu mommy [SMI] kan masuk ratu Singapore, lepas itu dijajah Jepun, waktu zaman penjajahan itu boleh *tak* [tidak] pengalaman mommy [SMI]**

SMI : Sekolah Jepun teruk *kene* [harus] tengok matahari, *kene* [harus] berbaris, *kene* [harus] menyanyi (sambil menyanyi lagu Jepun), dah nyanyi itu baru masuk kelas, tengok matahari, *tak* [tidak] boleh tulis inggeris, *kene torture*[didera] nanti , dia tahu kita tulis Inggeris, dia bagi minum air sabun, ada budak sampai mati

HNE : **Sebelum mommy [SMI] mula berlakon, within [semasa] ratu cantik, mommy [SMI] buat apa?**

SMI : *Tak* [tidak] ada buat apa itu yang menjahit bila Ramlee suruh belajar menjahit lepas menjahit lulus sahaja banyak orang upah tenaga wanita beritahu, yang Mariam ini, dah lulus *embroider* [menyulam] Wah, ada banyak orang upah *itu jam*[pada waktu itu] baju kurung pon nak *embroider* [menyulam] banyak upahlah, dapat tempahan

HNE : Kena tengok ini

SMI : (sambil ketawa) Tapi semua benda-benda tu ada di Singapura. *I punya cousin* [kepunyaan sepupu saya] simpan

HNE : **Mommy [SMI] *tak* [tidak] nak buat gallery?**

SMI : Tak [tidak], sebab dia orang nak ambil. Arkib nak ambil,

HNE : **Arkib Malaysia?**

SMI : Arkib Malaysia

HNE : **Waktu mula-mula mommy [SMI] jadi pelakon, siapa yang ada disamping mommy [SMI] ?**

SMI : Saloma, dia yang *encourages* [sokong] , *I* [saya] sebenarnya *tak* [tidak] hendak sangat

HNE : *Tak* [tidak] minat jadi pelakon.

SMI : *Tak* [tidak] minat jadi pelakon, “*Ya lah [ialah] Yam, kau putih, aku hitam, kau jadilah pelakon, aku jadi penyanyi*” [kata Saloma kepada Mariam]. Dia jaga saja dia tunggu saja

HNE : **Di set penggambaran?**

SMI : Ha'ah [ya], dia *very close to me* [sangat rapat dengan saya], *that why I* [sebab itu saya] sayang dia *that why I* [sebab itu saya] faham dia dan bercinta dia orang yang pendiam yang *tak* [tidak] nak cakap rahsia hati dia dia *tak* [tidak] bilang [beritahu] yang dia cintakan P.Ramlee, dia *tak bilang I pun* [tidak beritahu saya] tapi *I* [saya] tengok gerak geri dia \_\_dia cintakan Ramlee, P.Ramlee ini *very romantic* [sangat romatik] dia suka peluk *I* [saya] nanti bila dia peluk *I* [saya] nanti Saloma satu macam [seperti] saja tengok nanti *I* [saya] perhati dia tangkap *kat situ* [disitu] *I* [saya] tangkap karakter-karakter dia, *then I sacrifice* [kemudian saya berkorban]

HNE : Kerana kasih sayang seorang adik

SMI : Sayangkan adik lebihlah.



HNE: : **Boleh tak [tidak] mommy [SMI] ceritakan *first time* [pertama kali] mommy [SMI] berlakon itu-kan perasaan pengalaman, takut?**

SMI : Tidak ada, *I* [saya] ini memang orang yang sifat *open* [terbuka], berani, walaupun *i tak* [saya tidak] berapa suka benda itu, tapi akan buat *I* [saya] punya filem pertama “Cemburu” *you* [kamu] percaya *tak* [tidak] filem itu keluar kontroversi, besar punya kontroversi pak imam – pak imam semua marah *I* [saya] sebab *I* [saya] cium, *kissing-kissing* [ciuman], mulut ke mulut dengan *hero*[pelakon utama lelaki] *director* [pengarah] suruh *I* [saya] buat, lain pelakon *tak* [tidak] hendak buat, *I* [saya] buat kontroversi

HNE : **Ada dapat tentangan *tak* [tidak] filem itu?**

SMI : Tidak ada, mula-mula ada, mula bila *midnight*[tengah malam] itu ada tentangan lepas itu dah okay pula, dulu *tak* [tidak] keras sangat-lah, *tak* [tidak] *strict* [ketat] sangat macam[seperti] sekarang, jadi *I* [saya] dapat cemuhan ludah daripada suri-suri rumah tangga dia ludah-ludah *I* [saya] kalau nampak *kat luar* [saya di luar] di tengah jalan,mana-mana dia ludah celaka *punya* [merujuk] perempuan, perempuan jahat, perempuan gatal, perempuan sundal

HNE : Kerana *watak* [tidak] itu?

SMI : Kerana *watak* [tidak] itu, watak itu, *I* [saya] buat watak jahat, *so I* [jadi saya] pergi mengadu ke SHAW Brothers *I bilang* [saya beritahu] Mr.Shaw; jangan hantar saya pergi *street show* [persembahan jalanan] lagi *dah* [sudah], saya *tak* [tidak] mahu “*kenapa?*” (tanya Mr.Shaw) Saya kene ludah-lah saya kene maki-lah *that means you good-lah* [itu bermakna kamu bagus]

HNE : Orang percaya *watak* [tidak] itukan. Mendalami *watak* [tidak] itu jahat. Adakah

waktu mommy [SMI] pergi macam [seperti] kelas Saloma *ajar ke* [tunjuk ajar]?  
P.Ramlee *ajar ke* [tunjuk ajar]? Tidak ada?

SMI : (geleng kepala)

HNE : **So [jadi] mommy [SMI] sendiri *expose* [mendedahkan]?**

SMI : *I cakap, I open minded, apa saja, let go, I buat, I very broad my---*[saya kata, fikiran terbuka apa saja lepaskan saya buat meluas]

HNE : Ada soalan cepu cemas waktu mula-mula buat filem itu, apa mommy [SMI] punya ---

SMI : Cemas tidak ada langsung

HNE : **Buat saja?**

SMI : Buat saja, tapi bila orang dah *provoke I* [memprovokasi saya], orang maki-maki *I* [saya] takutlah, *I* [saya] takut sikitlah *taknak-lah* [tidak hendak] jadi bintang filem, *I*[saya] *macam* [seperti] *give up-lah*[seperti putus asa], tapi kerana tidak boleh lagi *give up* [putus asa] sebab *offer dah* [tawaran sudah]banyak *one after another* [satu demi satu] filem, sehari *I* [saya] buat tiga[3] filem tidak menentu

HNE : Jadual mommy [SMI] pada waktu itu padat?

SMI : Padat

HNE : Setiap set penggambaran dari filem ke filem jauh?

SMI : Tidak ada, kita di studio saja, kita tidak macam [seperti] sekarang, sekarang teruk buat filem sampai pagi *kita nine to five office hours punch card* [sembilan sehingga lima petang waktu pejabat guna kad perakam waktu] kita bergaji kita dibayar ikut gaji *every filem* [setiap filem] ada bonus

SI : Berapa gaji pertama mommy [SMI] ?

SMI : Seratus ringgit sampai ke lapan ratus [RM100-RM800], tiap-tiap filem gaji *I*

[saya] naik , tapi bonus filem ada, walaupun ratus habis filem dapat tujuh ratus lima puluh, doktor ada lima jaga kita baju tidak beli *make-up* [alat solek] tidak beli elektrik tidak bayar lampu rumah semua telefon tidak bayar semua *provide*[disediakan] walaupun gaji sikit

SMI : **Gaji pertama mommy [SMI] buat apa?**

SMI : *Kasi ibu* [beri kepada ibu]

HNE : Sepanjang mommy [SMI] buat filem, Saloma selalu bersama?

SMI : Selalu, tapi bila Saloma tengok *I* [saya] dah okay dah \_ dia ke karier dialah, dia pun [juga] sibuk ke Melbourne, Jakarta untuk menyanyi

HNE : **Bila Saloma tiada, siapa yang menemani?**

SMI : Tiada, *I'm alone* [saya sendirian], sebab Saloma itu \_\_\_ adik beradikkan, makan sama-sama, shopping dia tidak suka "*Kau belikanlah...*" itu ini,

HNE : **Saloma pemalu?**

SMI : Dia bukan pemalu tetapi pendiam kalau suruh cakap dia cakap, dia tidak banyak cakap tidak banyak modal cakap, macam [seperti] *I*[saya] banyak cakap *macam* [seperti] sekarang tengah buat *pasal* [mengenai] filem Saloma, susah *nak* [hendak] cari Mariani Saloma sudah dapat Mariani susah nak dapat Mariani punya karakter tidak dapat, watak itu belum dapat, Marisa yang *produce* [menghasilkan] sekarang *The Life Story Of Saloma*

SI : Yang dari RTM (Radio Televisyen Malaysia)?

SMI : Itu bukan, itu *duko* [dokumentari] ini filem

SI : **Ini kisah Mariani?**

SMI : Tidak, ini kisah Saloma dan Mariani, tapi watak Mariani tidak dapat lagi, jadi terdiam sekarang tengah mencari audition [ujibakat], muka itu tidak kisah sangat tidak *payahlah macam I* [seperti saya] sangat karakter *I* [saya] susah nak dapat *I* [saya] punya lincah jadi Melissa dia sikit pening.

HNE : **Antara filem-filem yang mommy [SMI] dah buat [sudah berlakon], selain filem Cemburu, yang mommy [SMI] rasa---**

SMI : Itu filem kontroversi,

HNE : **Filem yang susah buat?**

SMI : Filem yang susah buat, dengan P.Ramlee filem akhir saya dengan dia, *pastu* [lepas itu] dia meninggal, *Putus Sudah Kasih Sayang* , sebab\_ dia nak menangis, saya menangis, saya boleh menangis, tapi dia nak menangis bila kamera datang dekat, saya pula bila sebut *action* [aksi] saya dah nangis, dia *tak nak* [tidak hendak] jadi benda ini yang tidak boleh lupa enam (6) hari saya buat tidak boleh jadi

HNE : **Sebab P.Ramlee tidak keluar air mata?**

SMI : Bukan, saya menangis dulu, sebelum apa-apa, P.Ramlee *not happy* [tidak gembira], P.Ramlee hendak sampai kamera dekat dengan muka *I* [saya] baru nangis, airmata ke apa ke tidak kiralah, *reaction* [aksi semula], tapi *I* [saya] sebelum *action* [aksi] dah nangis enam (6) hari *I* [saya] dah menggeletar *rap* [bersurai] balik sekali budak-budak krew bilang [beritahu] "*apa dah bang?* " kalau orang lain enam (6) hari tidak boleh buat tidak marah, kalau orang lain

mesti abang sudah marah” dia jawab apa “*Kakak ipar lah, macam [seperti] mana mahu marah kakak ipar aku...*” - P.Ramlee ini dia kelakar

HNE : **Ada tidak dia bagi nasihat kepada mommy [SMI]?**

SMi : Dia memang ada ajar, siapa yang berlakon dengan dia satu yang bagus tidak ada pengarah yang *macam [seperti]* dia sampai sekarang, yang menunjuk ajar berlakon, bagaimana nak jalan, bagaimana nak cakap, bagaimana karakter nak luahkan, *director [pengarah]* sekarang semua okay skrip dah hafal *okay action [baiklah aksi]* jalan lepaskan saja kita buat sahaja P.Ramlee dia ajar sampai bagus sampai boleh sampai dia puas hati baru dia lepas kalau tidak dia tidak lepas. Itu dia punya sifat kadang ada pelakon yang tidak tahan

HNE : **Ada tidak antara filem mommy [SMI] yang kena buat aksi, yang susah nak buat lakon kan watak tersebut?**

SMI : Itulah yang tadi itu (*Putus Sudah Kasih Sayang*) – tapi dia puas hati, setelah *I [saya]* buat dia puas hati dia cakap dengan Saloma, kakak *you [kamu]* boleh buat , saya sangka dia tidak boleh buat, sebab dia selalu watak jahat, dia ingat *I [saya]* tidak boleh menangis, sekali dalam *Putus Sudah Kasih Sayang I [saya]* boleh buat – Cuma babak itu yang *I [saya]* jatuh *tu kat [itu di]* tangan dia *I [saya]* matikan tergolek-golek dari tangga dia angkat *I [saya]* , *I [saya]* cakap dengan dia “*Remy I tak nak tengok mata you-*” (kata Mariani kepada P.Ramlee) “*Tidak apa,tengok telinga*”(jawab P.ramlee) *I [saya]* tidak berani tengok mata dia, takut jatuh cinta lagi berlakonkan, mata dia P.Ramlee ini memang seorang insan yang istimewa tuhan beri kita tidak boleh tenung mata dia *you [kamu]* tenung *you [kamu]* gila orang Medan (Indonesia) itu mati umur lima belas (15) tahun dia

tenung P.Ramlee balik Medan dia tidak dapat jumpa P.Ramlee dia meninggal, umur dia *lima belas* [15] tahun, tahun *lima puluh lapan* [1958] P.Ramlee ini dia ada magnet, dia yang satu-satunya, menarik. Sebenarnya saya tidak mahu cerita saya bercinta dengan P.Ramlee, tetapi sebelum itu anak P.Ramlee sudah bagi tahu kepada orang filem , surat khabar semua , jadi orang surat khabar datang jumpa saya, takkan saya nak tidakkan, takkan saya nak katakan Nasir bohong, sebab saya pernah biaya jaga Nasir , sebelum dia dihantar ke *Penang* [Pulau Pinang], bila Ramlee bercerai dengan mak dia Nasir dia jaga tidak ada orang tengok saya jaga jadi Nasir ingat "*Mak Besar[Mariani] yang nak kawin dengan daddy bukan Mama[Saloma]*" Nasir panggil Saloma; "*mama*" itu yang dia beritahu orang surat khabar takkan *I* [saya] nak bohong cakap anak P.Ramlee, terpaksa *I* [saya] mengaku, sebenarnya kisah *I* [saya] dengan P.Ramlee ini nak bawa mati *taknak* [tidak hendak] cakap , *I sacrifice pun taknak bilang* [saya berkorban tidak hendak beritahu] Saloma pun tidak tahu *I sacrifice* [saya berkorban], sampai dia sudah dia tidak tahu , dia ingat *I playgirl* [saya kaki lelaki] sahaja *I kasi* [saya beri] benci saja sakit hati (gangguan pengkisah) Itulah cerita Mariani sekarang ini yang Melissa buat ini [filem] Saloma sayalah pencerita *my skrip* [skrip saya]

SI : **Bagaimana teretusnya idea nak buat?**

SMI : Bukan idea, memang sudah ada dalam otak, memang *I* [saya] ingat zaman jepun bagaimana kalau *you* [kamu] tengok sedih *first episode you dah nangis*[episode pertama kamu sudah nangis] Saloma *punya story* [cerita milik], sedih *story I* [cerita saya] dengan dia baru nak buat watak Mariani tidak dapat lagi, kita *target bulan sebelas ini start shooting* [capai bulan sebelas ini bermula penggambaran]

HNE : **Sekarang masih mencari?**

- SMI : Cari watak tengah *audition* [ujibakat] kita sudah dapat Tompel, P.Ramlee, Maria Manado banyaklah pelakon kawan-kawan baik Saloma
- HNE : Ajis [Datuk Aziz Satar] ada?
- SMI : Ada,
- HNE : Selain berlakon dengan P.Ramlee, ada pelakon lain yang *mommy* [SMI] selesa berlakon bersama?
- SMI : Arwah Nordin Ahmad, dengan Ahmad Mahmood, ini orang yang *I* [saya] selesa berlakon, sebab lekas tangkap watak (pengkisah batuk) tapi semua sudah arwah, yang bagus-bagus sudah arwah Yusof Latiff ; semua *otai-otai* [orang lama] dah tiada
- HNE : **Sepanjang *mommy* [SMI] jadi pelakon pada zaman sekarang ini, kenangan berlakon yang pahit?**
- SMI : (gangguan telefon) ---
- HNE : **Ada tak watak-watak yang *mommy* [SMI] nak sangat *try* [cuba] buat?**
- SMI : Sekarang ni *I* [Saya] rasa sepanjang 65 tahun *I* [saya] *dah* (sudah) *tak* [tidak] berhenti berlakon. Sekarang saya umur *lapan puluh* [80]. Saya start [mula] berlakon umur sembilan belas [19]. Watak apa yang saya tak [tidak] buat dah [sudah], semua saya dah buat.
- HNE : Semua dah *try* [cuba]
- SMI : Semua dah kena buat, bukan saya *try* [cuba]. Disuruh buat. Watak hantu, sekarang saya tolak. Saya *tak nak* [ tidak mahu] jadi hantu lagi, jadi saya kurang berlakon sebab zaman sekarang *diorang* [mereka] buat semua hantu, hantu-hantu. Jadi saya

banyak menyanyi sekarang. *I* [Saya] berduet dengan aziz satar, *I* [saya] berduet dengan sesiapa lah- - - sesiapa yang tengok filem-filem *I*, *I* [saya] nyanyi filem labu labi ke, P. Ramlee ke\_ \_ \_ \_ \_

HNE : **Ada *tak* [tidak] mommy [SMI] buat album ?**

SMI : Ada, tetapi belum keluar. *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia].

HNE : Oh *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] yang buat. **Ketika zaman P.Ramlee ada?**

SMI : Tak boleh ! saya tak dibenarkan. Dalam kontrak tidak boleh.

HNE : **Selepas kontrak mommy [SMI] tak ada cuba buat ke, *tak* [tidak] ada?**

SMI : *Tak* [Tidak] boleh, sebelum tu saya *tak* [tidak] buat apa-apa, saya *nak* [mahu] jadi doktor.

